

<b>Headline</b>	Kekangan kewangan, pengurusan tidak cekap		
<b>MediaTitle</b>	Berita Harian	<b>Language</b>	Malay
<b>Date</b>	15 Jul 2019	<b>Readership</b>	246,756
<b>Circulation</b>	82,252	<b>Page No</b>	16
<b>Section</b>	Nasional	<b>Journalist</b>	Iskandar Ibrahim,
<b>ArticleSize</b>	672 cm <sup>2</sup>		
<b>PR Value</b>	RM 66,756		



Norhizam Hassan (kiri) melawat kem pengakap yang terbiar di Kampung Pengkalan Badak, Bukit Katil, semalam.



**Kem Kijang di negeri berkenaan suram kerana infrastrukturnya yang lama dan usang.**

**Mohammad Nadzree Salleh,  
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Kelantan**

**Kem pengakap daif, terbiar**

# Kekangan kewangan, pengurusan tidak cekap

Ada kem dikesan tiada kemudahan asas, sukar laksana aktiviti

Oleh Iskandar Ibrahim, Mohd Roji Kawi, Poliana Ronnie Sidom, Fairuz Zaidan, Badrul Kamal Zakaria, Azzman Abdul Jamal, Abdul Rahemang Taiming dan Syaherah Mustafa  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Kuala Lumpur:** Kekangan kewangan dan pengurusan yang tidak cekap antara faktor kebanyakan kem pengakap di seluruh negara dalam keadaan daif serta terbiar.

Malah, ada antara kem berkenaan tidak mempunyai kemudahan asas seperti elektrik dan air menyebabkan ia sukar untuk melaksanakan sebarang aktiviti berkaitan.

Antaranya, Kem Pengakap Batu 21, Pagoh, Johor; Kem Pengakap Matang, Sarawak, Taman Semulajadi Pengakap Sandakan, Sabah; Kem Pengakap Melaka, Kem Pengakap Negeri Sembilan, Kem Kijang, Kelantan dan Kem Pengakap Dr Shafie Salleh di Selangor.

Timbalan Pesuruhjaya Pengakap Daerah Muar, Engku Tuah Enku Senin, berkata Kem Pengakap Batu 21 Pagoh yang dibina pada 1990-an kini terbiar akibat faktor kewangan dan ketiadaan kemudahan asas.

"Faktor utama masalah ini ialah ketiadaan bekalan elektrik

dan air selain kedudukannya yang jauh menyebabkan sukar mendapatkan kemudahan asas berkenaan.

"Kekangan kewangan juga menyebabkan kami tidak dapat mengupang orang untuk menjaga kem berkenaan. Kami ini juga berdepan masalah vandalisme oleh pihak tidak bertanggungjawab," katanya kepada *BH*.

Pembantu Setiausaha Eksekutif Persekutuan Pengakap Malaysia Cawangan Sabah, Mohd Saifulaini Mohd Aliman turut berkongsi masalah serupa apabila Taman Semulajadi Pengakap Sandakan berdepan isu kemudahan asas yang tidak sempurna.

"Bukan sahaja tidak memiliki sumber bekalan air yang sempurna, kemudahan seperti katil dan tandas tidak mencukupi dan antaranya yang perlu dibalik pulih," katanya.

*BH Ahad* semalam mendedahkan sekurang-kurangnya 12 kem utama Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) bernilai jutaan ringgit terbiar berpuncak daripada kepinggan pengurusan.

Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sembilan, Hamdan Mohd Nor, berkata beberapa kem pengakap di negeri berkenaan berada dalam keadaan tidak terurus kerana tiada sebarang aktiviti atau program dijalankan.

"Kemudahan yang ada hanya ala kada; setakat cukup untuk menjalankan aktiviti. Kem-kem ini dilihat terbiar kerana tiada aktiviti dijalankan di situ. Namun, jika ada aktiviti, kawasan berkenaan akan dibersihkan," katanya.

Ketua Pesuruhjaya Pengakap Kelantan, Mohammad Nadzree Salleh, berkata Kem Kijang di negeri berkenaan suram kerana infrastrukturnya yang lama dan usang.

"Biar pun masih ada aktiviti dijalankan teturut membabitkan badan beruniform sekolah, infrastruktur dan kemudahan asas di kem ini berada dalam keadaan daif.

"Kem ini diuruskan sepenuhnya oleh Majlis Pengakap Kelantan, namun kami tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk membala pulih bangunan yang sudah uzur," katanya.

Pengerusi Pengakap Melaka, Norhizam Hassan Bakitee, pula mengakuui Kem Pengakap Melaka terpaksa dipulihkan daripada semak samun ketika beliau mengambil alih jawatan itu dua bulan lalu.

Katanya, antara cabaran terbesar jawatankuasa baharu Pengakap Melaka bagi penggal 2019-2021 adalah mewarينا pelbagai masalah yang ditinggalkan oleh kepemimpinan terdahulu termasuk isu ketirisan kewangan, pengurusan serta kehilangan aset milik Pengakap Melaka.

Beliau berkata, sebaik mula mengambil alih kepemimpinan Pengakap Melaka pada 27 April lalu, pihaknya mula melakukan sedikit demi sedikit kerja pembersihan di Kem Pengakap Melaka termasuk memasukkan bahan utiliti yang terputus.

"Alhamdulillah, semalam (kelmarin) juga kita sudah berjaya menganjurkan program Penara-

fan Pengakap Raja yang disertai lebih 50 peserta serta mesyuarat kepemimpinan pengakap negeri di Kem Pengakap Melaka. Dari pada sebuah kem terbengkalai, kita akan cuba mengembalikan kegemilangan Kem Pengakap Melaka yang disegani seperti dulu," katanya kepada *BH* ketika ditemui di Kem Pengakap Melaka di Kampung Pengkalan Badak, Bukit Katil, di sini, semalam.

Kem Pengakap Melaka didirikan di kawasan seluas 6.4 hektar pada tahun 1994 dengan pelbagai kemudahan latihan, dewan utama, pondok aktiviti, dewan makan, asrama dan tapak perkhemahan.

Tinjauan *BH*, di kem itu semalam bagaimanapun sudah menyaksikan banyak pembaharuan termasuk kerja-kerja pembersihan yang giat dijalankan. Malah, terdapat beberapa kontraktor sedang giat membina bilik pencawang elektrik TNB, selain bekalan air sudah disambung semula.

Sementara itu, Abdul Hamid, berkata kepemimpinan pengakap negeri merancang untuk menganjurkan Perhimpunan Pengakap Melaka 2019 di Kem Pengakap Melaka pada September ini yang dijadualkan dihadiri kiranya 1,000 peserta.

"Selhubungan itu, kita sedang berusaha membala pulih prasarana sedia ada untuk memastikan keselamatan peserta. Kepeimimpinan baharu akan mempergiatkan aktiviti serta program di kem ini untuk memastikan kegemilangan Kem Pengakap Melaka dikembalikan," katanya.